



SIARAN AKHBAR

***UNTUK SIARAN SEGERA**

TAKAFUL IKHLAS SERTA *RACE FOR COVER* ANJURAN PERSATUAN TAKAFUL MALAYSIA DENGAN MEMPROMOSI *IKHLASLINK SECURE TAKAFUL*

Kuala Lumpur, 11 Disember 2018 –Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IHLAS Family), anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad (MNRB) merupakan salah satu pengendali takaful yang menyertai *Race for Cover Towards Takaful 2020 (RFCTT 2020)*, yang dianjurkan oleh Persatuan Takaful Malaysia pada Julai 2018 sehingga Disember 2018 untuk meningkatkan kesedaran tentang perlindungan takaful keluarga kepada masyarakat Malaysia.

Dalam tempoh penganjuran *Race to Cover*, Takaful IHLAS mempromosikan produk *IKHLASlink Secure Takaful*, iaitu pelan perlindungan menyeluruh yang boleh disesuaikan bagi memenuhi keperluan dan gaya hidup setiap pelanggan. Perlindungan ini adalah penyelesaian yang bersesuaian untuk mereka yang masih mencari pelan perlindungan, pelan pintar yang mampu membantu pelanggan memaksimumkan pulangan wang.

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas Family Berhad, Encik Mohd Din Merican berkata, “*IKHLASlink Secure Takaful* ialah pelan takaful komprehensif yang berkaitan dengan pelaburan di mana sumbangan takaful adalah berkala dengan menggabungkan yang terbaik dari kedua-duanya iaitu perlindungan dan pelaburan.”

“Pelan ini juga menawarkan pakej holistik dengan rider-rider pilihan yang melindungi bidang kesihatan utama seperti penyakit kritikal, kemalangan peribadi, kemasukan ke hospital dan manfaat pembedahan. Pelanggan boleh menyertai pelan perlindungan ini dengan sumbangan takaful bulanan serendah RM 80 sebulan bagi menikmati pakej ini secara menyeluruh,” tambah beliau lagi.

Perlindungan *IKHLASlink Secure Takaful* ini juga merangkumi perlindungan kematian dan ilat kekal serta menyeluruh (TPD) bagi memastikan pelanggan sentiasa dilindungi setiap masa. Perlindungan ini juga menyediakan rangkaian manfaat pilihan yang komprehensif, seperti penyakit kritikal, kemalangan, bil hospital dan pembedahan serta pengecualian sumbangan takaful bagi memastikan kesinambungan perlindungan para pelanggan. Melalui perlindungan ini pelanggan boleh melabur dalam portfolio pelaburan untuk mendapat pulangan yang tinggi.

Mengenai Takaful IKHLAS

Takaful IKHLAS mula mengukir nama didalam industri Takaful pada 18 September 2002 melalui Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dan kemudian statusnya ditukar kepada Berhad pada 5 Mei 2014. Takaful IKHLAS terlibat terutamanya dalam penyediaan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam yang berlandaskan prinsip dan hukum Syariah.

Pada 30 November 2018, Takaful Ikhlas Berhad telah mengumumkan penukaran lesen takaful kompositnya kepada dua entiti untuk menguruskan perniagaan takaful keluarga dan am secara berasingan. Penukaran ini adalah selaras dengan keperluan perundangan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, 2013 (IFSA).

Takaful Ikhlas Berhad dikenali dengan nama baharu Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IKHLAS Family) yang menguruskan perniagaan takaful keluarga. Perniagaan takaful amnya akan diuruskan oleh entiti baru, Takaful Ikhlas General Berhad (Takaful IKHLAS General).

Takaful IKHLAS menyediakan produk keluarga dan takaful am yang komprehensif. Saluran pengedarannya terdiri daripada ejen yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dan terlatih, broker, institusi kewangan, pemegang francais motor dan koperasi.

Takaful IKHLAS mempunyai 13 pejabat cawangan dan kini mempunyai hampir 2 juta pemegang sijil (polisi) berdaftar dan juga lebih 5,000 orang ejen.

Takaful IKHLAS Family dan Takaful IKHLAS General merupakan anak-anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.takaful-ikhlas.com.my.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noorazimah Tahir (Azie)
Naib Presiden
Ketua Jabatan Komunikasi Korporat
MNRB Holdings Berhad
Tel: 03-2096 8120
Emel: azie@mnr.com.my

Cik Mahanom Abdullah
Eksekutif
Jabatan Komunikasi Korporat
MNRB Holdings Berhad
Tel: 03-20968123 / 019 3800 305
Emel: mahanom@takaful-ikhlas.com.my